

DATE: 24 / 03 / 2008

PM pertahan lantik Idris

Oleh BORHAN ABU SAMAH

SEPANG 23 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mempertahankan tindakannya melantik Datuk Seri Idris Jusoh sebagai Menteri Besar Terengganu berdasarkan sokongan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Perdana Menteri berkata, pelantikan itu tidak akan berubah kerana ia dibuat berasaskan sokongan padu yang diterima oleh Idris daripada ADUN negeri itu.

"Sebarang lantikan dibuat terhadap orang lain tidak kena dari segi Perlembagaan," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kemelut pelantikan Menteri Besar di negeri Pantai Timur itu di sini hari ini.

Perdana Menteri ditemui selepas melawat

Litar Sepang sebelum menyaksikan perlumbaan Formula 1 (F1) Grand Prix Malaysia dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang perlumbaan tersebut.

Semalam, Majlis Penasihat Pemangku Raja (MPPR) menamakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal, Datuk Ahmad Said, 51, sebagai Menteri Besar Terengganu yang baru.

Pelantikan tersebut mengetepikan Idris selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri yang mendapat watakah pelantikan sebagai Menteri Besar bagi penggal kedua daripada Abdullah.

Hari ini, Ahmad menerima watakah perisytiharan sebagai Menteri Besar Terengganu yang baru dalam satu upacara di Istana Terengganu, Kuala Terengganu.

Sementara itu, di KUALA TERENGGANU, Idris yang juga Pengerusi Badan Per-

Um - 24 / 3 / 2008

hubungan UMNO negeri berkata, beliau mendapat sokongan daripada Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menjadi Menteri Besar Terengganu.

Menurut Idris, kedua-dua pemimpin tertinggi UMNO itu menyatakan sokongan mereka dan tetap akan bersama beliau dalam mengharungi kemelut pelantikan Menteri Besar yang berlaku sekarang.

Justeru jelasnya, walaupun tidak dilantik sebagai Menteri Besar, beliau mendapat sokongan penuh semua pihak termasuk 22 ADUN Barisan Nasional (BN) dan rakyat.

"Saya tahu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tetap bersama saya... saya dapat panggilan daripada mereka berhubung isu ini semalam.. saya mendapat sokongan pucuk pimpinan parti dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) dan rakyat," tegas beliau.

Ditanya apakah perasaan beliau dengan keputusan MPPR memilih Ahmad sebagai Menteri Besar, sambil tersenyum sinis Idris berkata, beliau akur dengan keputusan itu.

"Kita tetap terima keputusan yang dibuat oleh istana... kita tak larang dan tak bantah apa-apa pun, (tetapi) rakyat sahaja yang nampak tidak senang hati, bukan kita," ujarnya.

Bagaimanapun katanya, yang penting adalah beliau tetap bersama rakyat kerana apa yang baik untuk rakyat, maka ia baik untuk dirinya sendiri.

Mengenai sama ada pelantikan Ahmad sebagai Menteri Besar baru menjejaskan hubungan kedua-duanya, beliau berkata, Ahmad adalah seorang ahli Exco kerajaan negeri sebelum ini dan merupakan rakan baiknya sejak 20 tahun lalu.